

41

SOALAN NO : 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH :

SOALAN : 14

YB Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian mengumpul data pesakit yang menjalankan rawatan dialisis pada tahun 2015 hingga tahun 2017 dan menyenaraikan statistik stok dan aliran bagi pesakit yang menjalani rawatan Haemodialysis dan "Chronic Paediatric Dialysis".

Tuan Yang di-Pertua,

Data mengenai pesakit yang menjalani rawatan dialisis dikumpul oleh *Malaysian Dialysis and Transplant Registry*. Data terkini adalah bagi tahun 2015 yang mana terdapat 33,456 orang pesakit yang menjalani rawatan hemodialisis dan 3,727 orang pesakit yang menjalani *Chronic Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD)*.

Pada tahun 2013 terdapat 29,320 orang pesakit yang menjalani rawatan hemodialisis dan pada tahun 2014 terdapat 31,621 orang pesakit. Bilangan pesakit yang menjalani rawatan CAPD pada tahun 2013 adalah 2,849 orang dan pada tahun 2014 terdapat 3,283 orang. Ini menunjukkan bahawa bilangan pesakit yang menjalani rawatan dialisis telah meningkat setiap tahun.